

NO. SOALAN: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L
KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 22MAC 2016

RUJUKAN : 8628

SOALAN:

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan nama penuh suspek yang
disiasat berkenaan Bukit Tengah Repot No: 11899/13 yang disiasat
oleh Balai Polis IPD Bandar Perda.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak polis telah menjalankan siasatan berkaitan kes pembunuhan penama Kang Seak Siong yang berlaku pada 14 Oktober 2013 pada jam lebih kurang 8.20 malam di Pub Fuel, Jalan Perusahaan Auto City Seberang Perai Tengah, P.Pinang. Siasatan dijalankan berkait Bukit Tengah Repot:11899/13 dan disiasat di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Dalam kes ini, sasppek bersama beberapa rakan mangsa telah ditangkap untuk siasatan. Kesemua tangkapan telah dibebaskan dengan jaminan polis atas arahan Pejabat Peguam Negara. Kes ini masih dalam siasatan.

Pihak polis tidak berhasrat untuk mendedahkan nama penuh suspek dalam kes ini memandangkan ianya masih lagi dalam proses siasatan dan tiada lagi mana-mana individu yang dituduh di Mahkamah.